

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 19 Julai 2021 10:16
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Terima Kasih UUM!' Pelajar Gembira Pulang Ke Kampung Halaman



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 JULAI 2021 / 9 ZULHIJAH 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee dan Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar

'TERIMA KASIH UUM!' PELAJAR GEMBIRA PULANG KE KAMPUNG HALAMAN



UUM ONLINE: “Terima kasih UUM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),” itulah ucapan kegembiraan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah tamat sesi akademik 2020/2021 apabila dibenarkan pulang ke kampung halaman sempena cuti semester 2020/2021.

Pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Nor Hanisah Salleh berkata, dia gembira kerana dapat pulang ke kampung halaman dan bertemu ahli keluarga di Bachok, Kelantan.

Menurutnya, apabila KPT dan UUM membenarkan pelajar untuk pulang, semestinya ia satu peluang yang dinantikan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) akan tetap dipatuhi meskipun berada di rumah.

“Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat terutamanya UUM yang bertungkus-lumus dalam mewujudkan harapan kami untuk pulang, malah turut menjaga keselamatan dan kebajikan pelajar sepanjang kami berada di kampus ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Diperketatkan (PKPD) yang lalu,” katanya yang tiba di kampung halaman pada Khamis lalu.

Sementara itu, pelajar Sarjana Muda Komunikasi, Raja Muhammad Faiz Raja Iskandar melahirkan penghargaan terima kasih kepada UUM kerana menjaga kebajikan mereka sepanjang PKP sehingga ke hari pelajar dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Menurutnya, pihak universiti telah melakukan yang terbaik dengan menguruskan pengangkutan semua pelajar terlibat agar masing-masing dapat pulang ke kampung halaman dengan selamat.

“Sukar untuk menggambarkan perasaan gembira saya kerana akhirnya dapat pulang ke rumah untuk berjumpa dengan keluarga di Kelantan.

“Pada sambutan Aidilfitri lalu, saya mengambil keputusan untuk tidak pulang ke kampung kerana bimbang dengan keselamatan ahli keluarga. Saya hanya mampu membuat panggilan video bersama mereka sahaja,” katanya yang tamat menjalani latihan industri di UUM Corporate Communication, seterusnya menamatkan pengajian di UUM.

Bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan, Mohammad Syahmin Mohammad Nazri, dapat pulang ke kampung adalah saat dinantikan, tambahan pula negara sedang berada dalam tempoh PKP yang tidak membenarkan pergerakan rentas negeri dan daerah.

Namun, menurutnya, dengan keprihatinan KPT dan UUM telah memberikan harapan kepada pelajar semester akhir untuk pulang ke rumah masing-masing dengan mematuhi SOP yang ketat.

“Terima kasih kepada UUM yang menjaga kebajikan dan keselamatan kami sepanjang berada di dalam kampus.

“Malah, pengalaman menjalani PKPD juga adalah sangat berharga dan membuatkan saya ingin lebih berhati-hati bagi mencegah jangkitan Covid-19 ini,” katanya yang turut pulang ke Kelantan.

Manakala, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam, Jasmanizad Hassan berkata, dia tidak sangka dapat pulang ke rumah memandangkan negara masih dalam tempoh PKP.

Menurutnya, dia berterima kasih kepada pihak pengurusan UUM kerana bertungkus-lumus memastikan pergerakan pulang pelajar adalah terkawal dan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Seramai 1,637 pelajar UUM yang tamat sesi akademik 2020/2021 pulang ke rumah masing-masing mulai 13 Julai lalu menggunakan pengangkutan bas yang diselenggarakan universiti dan

kenderaan sendiri setelah mendapat persetujuan Majlis Keselamatan Negara dan KPT untuk membenarkan pelajar IPT yang tamat sesi akademik pulang ke rumah mulai 12 Julai lalu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.